

BAB
KEDUA

BAB 2

RIWAYAT HIDUP DAN KARYA IBN SINA

2.1 Kelahiran dan Keluarga

Abu 'Ali Huseyn bin Abdullah bin Hasan bin Ali Sina (980 – 1037 M) yang di dunia Barat dikenal dengan nama Avicenna, lahir pada bulan Ogos 980 M. atau Safar 370 H. di suatu kampung berdekatan dengan kota Bukhara yang diberi nama “Kharmaitan” ertinya negeri matahari.¹

Pemakaian nama “Avicenna” sebagaimana yang dikenal oleh dunia Barat, berasal dari bahasa Latin, akan tetapi sebenarnya perkataan itu asal mulanya dari bahasa Hebrew “Aven Sina”.²

Dengan melalui bahasa Ibrani yang sudah disesuaikan dengan lidah Eropa, maka dia dikenal dengan nama “Avicenna”.³ Ada pula yang berpendapat bahawa nama Ibn Sina itu ada hubungannya dengan ‘Cina’ iaitu berasal dari perkataan ‘الصين’ dalam bahasa Arab yang bererti “Cina”.⁴

Namun pendapat ini sulit dipercayai, kerana tidak ada dasar sama sekali

¹Soheil Muchsin Afnan, *Avicenna: His Life and Works*, (London: Published by Anwin Brother LTD., 1958), h. 28

²Anthonya Nutting, *The Arabs*, (Newyork: Published by Clarkson, 1964), h. 125

³Zainal Abidin Ahmad, *Ibn Siena: Sarjana dan Filosof Besar Dunia*, (Jakarta: Bulan Bintang, 1974), h. 24

⁴*Ibid.*, h. 24

Ibn Sina dilahirkan di kampung tempat kelahiran Ibunya, nama Ibunya Astarah, sedangkan Bapanya berasal dari Belkh yang dahulunya termasuk Parsi dan di masa sekarang termasuk Afganistan.⁵ Ibn Sina hanya dua bersaudara, iaitu ia sendiri dan adiknya bernama Abul Haris.⁶

Pada umumnya ahli sejarah mengatakan bahawa bapanya yang bernama Abdullah bekerja sebagai gabnor untuk daerah-daerah luar Bukhara yang bertempat di Belkh, iaitu kota tempat kelahirannya dan selepas itu bapanya dipindahkan ke kota Bukhara.⁷

Pendidikan

Ibn Sina telah menunjukkan kecerdasan dan bakat yang luar biasa dari semenjak ia masih kecil. Masa belajarnya telah dimulai pada usia yang sangat muda, iaitu pada waktu ia berumur 5 tahun. Dengan kecerdasannya yang luar biasa itu, ia telah menyelesaikan segala pelajarannya itu dalam waktu 13 tahun sahaja. Di antara ilmu-ilmu pengetahuan yang dipelajari itu:

1. Ilmu-ilmu agama

Pada waktu berumur 5 tahun ia mulai mempelajari Al-Qur'an, kemudian disertai pula dengan mempelajari ilmu-ilmu keislaman yang lainnya,

⁵ *Ibid.*, h. 28

⁶ C. Krueger, *Avicenna's Poem on Medicine*, (Illinois: Kansas Published by Charles C. Thomas, 1963), h. 3

⁷ Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 28

seperti *tafsir*, *fiqh*, *usuluddin*, *tasawuf* dan lain-lain. Dalam masa 5 tahun sahaja, iaitu ketika umurnya 10 tahun, dia sudah hafal kitab suci Al-Qur'an dan menguasai ilmu-ilmu agama lainnya.

Sejarah mencatat, bahawa di antara guru Ibn Sina yang mengajarnya tentang ilmu akhlak, tasawuf dan fiqh ialah Ismail Al-Zahid.⁸ Di samping itu ia juga pernah belajar kepada sarjana terkemuka Abu Bakr Khawarizmi dan telah membantu gurunya yang sudah tua itu untuk menuliskan dengan tulisannya sendiri akan sebahagian buku gurunya itu. Ia belajar dengan gurunya itu tidak begitu lama, kerana pada waktu umurnya 6 tahun gurunya itu meninggal dunia.⁹

Pada waktu-waktu permulaan itu, di samping ia mempelajari Al-Qur'an dan ilmu-ilmu keislaman lainnya, padanya juga diperkenalkan ilmu logik, matematik, ilmu alam dan ilmu metafizik.¹⁰

2. Ilmu-ilmu Falsafah

Pada waktu Abu Abdillah An-Natili,¹¹ seorang yang mengetahui ilmu falsafah tiba di Bukhara, maka ayah Ibn Sina mengajaknya tinggal di

⁸ Ibn Abi Usaybi'ah, '*Uyun al-anba'*', Juz II, (t.tp.: t.th.), h. 2 - 3

⁹ Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 38

¹⁰ Athur Hyman, *Philosophy in the Middle Ages*, (New York: Columbia University, Published by Happer, 1967), h. 236

¹¹ Namanya diambil dari Desa Natila di Tabristan. Nama sebenarnya adalah Al-Hakim Abu Abdillah Husain Ibn Ibrahim at-Tabari an-Natili.

rumahnya dan mengharapkan supaya ia mencurahkan perhatiannya untuk mengajarkan anaknya.

Di bawah bimbingan An-Natili, Ibn Sina belajar asas-asas logik yang sederhana, akan tetapi tentang seluk beluk logik, An-Natili tidak begitu ahli, sehingga akhirnya, Ibn Sina mempelajarinya sendiri, membaca serta mempelajari berbagai buku dan komentar sehingga akhirnya ia dapat menguasai ilmu logik tersebut.¹²

Sayangnya waktu belajar dengan Natili sangatlah singkat sekali kerana gurunya itu memohon diri untuk berangkat kembali ke daerahnya.¹³ Pada waktu itu ia tetap menumpahkan perhatiannya untuk melanjutkan pelajarannya tentang ilmu alam dan metafizik, terutama dari ajaran Plato dan Aristotles yang asli dan murni dengan bantuan komentar dari pengarang-pengarang yang otoriti dari Yunani yang sudah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.¹⁴

Pada waktu berumur 16 tahun, segala ilmu pengetahuan sudah dikuasainya yang agak terlambat dikuasainya, ialah ilmu metafizik, akan tetapi kemudian dia dianggap sarjana yang paling ahli dalam ilmu itu.

¹² William E. Gohlman, *The Life of Ibn Sina*, (Jakarta:Pustaka Panjimas, 1989), h. 2

¹³ Daerahnya ialah Gurganj suatu daerah yang terletak di negeri Kwarazm.

¹⁴ C. Kruger, *op.cit.*, h. 3 - 4

Buku Aristotles telah dibacanya sebanyak 40 kali, akan tetapi ia masih tetap tidak memahami ilmu tersebut.¹⁵

Kesusahannya dalam memahami ilmu tersebut secara jujur ia mengatakan:

Kemudian pindah perhatianku kepada ilmu ketuhanan, aku membaca ilmu metafizik, tetapi aku tidak dapat memahami isinya. Aku ragu-ragu apakah maksud pengarangnya sehingga aku ulangi sampai 40 kali dan hafal olehku buku tersebut. Walaupun demikian belum juga aku mengerti isinya, sehingga hampir timbul perasaan putus asaku dan aku berkata dalam hatiku, tidak ada jalan untuk memahami buku ini.

Secara kebetulan, pada suatu hari aku pergi ke suatu pasar buku di waktu Asar, di sana seorang yang menawarkan buku yang sedang dipegangnya kepadaku, akan tetapi aku menolaknya kerana perasaan putus asa tadi, dengan keyakinan bahawa buku itu tidak ada faedahnya bagi diriku.

Penjual buku itu seakan-akan memaksa, supaya aku membelinya dengan harga 3 dirham, kerana ia sangat berhajatkan wang. Akhirnya buku tersebut aku beli. Setelah aku melihat buku itu karangan Abu Nashr Al-Farabi dengan judul: "Tujuan ilmu Metafisica": kemudian dengan cepat buku saya baca, dan terbukalah maksud isi buku itu kerana saya telah hafal beberapa buku mengenai ilmu tersebut. Kerana saya gembira dan

¹⁵ Arthur Hyman, *op.cit.*, h. 236

pada hari keduanya saya bersedekah kepada fakir miskin sebagai rasa syukur kepada Allah Ta'ala.¹⁶

3. Ilmu Politik

Amat penting untuk diketahui, bahawa Ibn Sina sudah diperkenalkan ilmu politik pada umur mudanya. Sementara Ayahnya adalah orang terkemuka dari aliran "Isma'iliyah"¹⁷ dari partai Syi'ah.

Pada waktu itu, pemimpin propagandis aliran tersebut berpusat di Mesir di bawah pimpinan pemerintah Fatimiyah, seringkali berkunjung dan berunding dengan ayahnya, untuk meluaskan sayap parti itu di daerah Bukhara, Ibn Sina selalu disuruh duduk mendengarkan segala huraian politik mereka. Saudaranya Abul Haris mengikuti aliran ayahnya, menjadi pengikut yang setia dari parti Isma'iliyah, tetapi Ibn Sina tidak pernah tertarik kepada aliran itu.¹⁸

¹⁶ William E. Gohlman, *op.cit.*, h. 5

¹⁷ Propaganda fahaman atau sekte Isma'iliyah dapat merebut sejumlah besar pengikut pada awal pemerintahan Bani Saman. Tapi paham atau ajaran tersebut dapat dihentikan kira-kira tahun 330/942 oleh Amir As-Sai'd Nasr II dan putranya, Amir Al-Hamid Nuh I. Lihat William E. Gohlman, *op.cit.*, h. 34

¹⁸ Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 41

Ibn Sina menyatakan: Ayahku adalah seorang yang mengikuti aliran yang dibawa oleh seseorang propagandis dari Mesir dan termasuk menjadi pengikut aliran Ismai'iliyah. Dari mereka didengarnya huraian tentang ilmu "jiwa" dan tentang "akal" menurut aliran yang mereka anut dan ketahui. Begitu juga saudaraku menerimanya. Sering aku ikut mendengarkan perbincangan mereka. Dan aku mengetahui seluruh pendirian mereka, tetapi jiwaku tidak mau menerimanya".¹⁹

Walau bagaimanapun Ibn Sina tetap berterima kasih kepada kaum Isma'iliyah terutama kerana merekalah yang mendorongnya dan banyak membantunya untuk mempelajari ilmu-ilmu falsafah, tetapi Ibn Sina tetap berpendirian tidak dapat menerima aliran politik mereka.

Dia menolak ajaran politik. Syie'ah-Isma'iliyah, tetapi dia mengikuti aliran politik ahl al-Sunnah wa- al- Jama'ah menurut ajaran Nabi Muhammad yang murni. Dia membentuk suatu teori politik yang baru di dalam banyak bukunya dinamakanya *al-Madinah al- Fadhilah* menurut nama yang dipakai oleh gurunya, Al Farabi (M. 339/941 M)Ara' ahli *al-Madinah al- Fadhilah* dan Madienah el hasanah es Siezah; dan ketiganya diterjemahkan "Negara Adil Makmur".²⁰

Ibn Sina sebagaimana dijelaskan dalam sejarah, tidak pernah mengalami ketenangan dalam hidupnya, pada waktu siang hari diper-

¹⁹ Ibn Abi Usaybi'ah, *op.cit.*, h. 23

²⁰ Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 42

gunakan untuk pekerjaan politik dan pemerintahan, sedangkan malamnya untuk mengajar dan mengarang. Kalau ia pergi ke suatu tempat, alat-alat tulisnyalah yang pertama sekali dibawanya. Kerana kalau sudah letih dalam perjalanan, maka beristirahatlah ia sambil berfikir dan menulis, kerana kecerdasan otak dan ingatannya, selalu ia menulis tanpa menggunakan buku-buku rujukan.

4. Ilmu Kedokteran

Seluruh ahli sejarah mengagumi Ibn Sina, kerana dalam usia 18 tahun sudah menguasai seluruh ilmu pengetahuan, mulai dari ilmu-ilmu agama, falsafah, politik dan kedokteran. Bahkan pernah diakui bahawa ilmu kedokteran diselesaikannya dalam waktu 1 ½ tahun, tanpa mempunyai guru.

Omar Amin Hoesin menjelaskan sebagai berikut: Akhirnya, ia sendiri dapat mengetahui pengetahuan gurunya. Dalam berbagai soal lain, umpamanya ilmu kedokteran, tidak seluruhnya ia belajar dengan guru, akan tetapi kebanyakannya belajar sendiri. Dalam usia 17 tahun, ia telah tamat pelajarannya, sebagai seorang doktor. Dalam kalangan ini ia sangat ternama, kerana itu ia dipanggil untuk mengubati penyakit Raja Noah, dari Dinasty Samanid. Ia berhasil menyembuhkan penyakit raja itu.²¹

²¹ Omar Amin Hoesin, *Kultur Islam*, (Jakarta: Bulan Bintang, 1981), h. 35, Lihat Arthur Hyman, *op.cit.*, h. 236

Yoesoef Suyb dalam hal ini menambahkan:

Emir Nuh Ibnu Nansur (336 – 387 H/976 –996 M), Emir yang ke 8 dari Daulah Samaniah dan berkuasa 21 tahun lamanya, jatuh sakit. Tabib-tabib terkenal pada waktu itu telah habis akal untuk mengubatinya dan pada akhirnya Ibn Sina, anak muda yang masih berusia 16 tahun itu diundang ke Istana dan ia berhasil menyembuhkan Emir tersebut.²²

Inilah permulaan Ibn Sina bekerja sebagai Doktor. Ertinya dia mulai berkenalan dengan Istana, dengan pemerintahan dan dengan pegawai negara. Adapun dia bekerja sebagai Doktor, bukan hanya pada satu kota sahaja dan bukan kepada Sultan Noah sahaja, tetapi ia berpindah kepada beberapa kota dan selama hidupnya ia mengabdikan diri kepada orang-orang sakit dan mengubati mereka.

Dengan menonjolkan nama Ibn Sina sebagai Doktor, maka bertambahlah seorang Doktor yang termasyhur di samping 3 nama yang terkenal sebelumnya:

1. At Tabari, Ali bin Sahal (838 – 923 M.)
2. Ar Razi, Abu Bakar Muhammad bin Zakaria (865 – 925 M); dan
3. Al Majusi, Ali bin 'Abbas (m. 994 M.)

Kemasyhuran namanya melebihi semua mereka, mencapai tingkat internasional.²³

²² Yoesoef Suy'b, *Pemikiran Islam Merobah Dunia*, (Jakarta: Firma Maju, 1984), h. 130

²³ Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 45

Kepribadiannya

Ibn Sina mempunyai otak yang luar biasa dan ketajaman otak yang amat kuat. Semua itu terbukti dari banyaknya ilmu pengetahuan yang dikuasainya, seperti ilmu-ilmu agama, ilmu-ilmu falsafah dengan segala bagiannya, ilmu politik, dan akhirnya ilmu kedokteran. Ilmu-ilmu pengetahuan tersebut dikuasainya dalam tempoh waktu relatif singkat iaitu hanya dalam masa 13 tahun saja.

Pada umumnya ilmu-ilmu yang dikuasainya itu dipelajarinya sendiri, sedangkan kehadiran para guru hanyalah sekedar pelengkap, bahkan ilmu-ilmu yang dikuasainya melebihi daripada kepandaian guru yang mengajarnya.²⁴ Di samping ia menyibukkan diri dalam bidang ilmu pengetahuan ia juga menceburkan diri dalam menghadapi beban berat yang dipikul oleh negara dengan penuh tanggung jawab. Tetapi pada saat yang sama ia merenungi kehidupan secara mendalam, sebagaimana terlihat dari intisari karyanya.

Pada waktu malam hari ia sering pula menghadiri pesta-pesta yang mengembirakan, selepas itu dilanjutkannya dengan menulis buku-buku. Dalam kesibukannya itu ia masih sempat untuk melakukan perjalanan bersama Sultan Nuh untuk bertempur di medan perang.

Suatu hal yang tidak kurang pentingnya adalah ketaatannya kepada agama. Ibn Sina sendiri menceritakan tentang hal ini:

Setiap aku menyangsikan suatu soal dan tidak mendapatkan batas (pengertian) yang benar dalam perbandingannya, aku sentiasa pergi ke

²⁴ Soheil Muchsin Afnan, *op.cit.*, h. 57

Masjid mengerjakan sembahyang, memohon kepada Tuhan yang menjadikan segala sesuatu, sampai terbuka bagiku soal itu dan mudah memecahkan kesulitannya. Aku pulang ke rumah dan meletakkan lampu di hadapanku terus membaca dan mengarang. Manakala datang mengantuk yang sangat keras atau badanku rasa letih sekali, aku minum segelas sehingga timbul kembali kesegaran dan akan terus membaca lagi. Tetapi kalau mengantukku tidak dapat ditahan lalu aku tertidur, biasanya aku bermimpi tentang soal-soal yang belum selesai dalam fikiranku. Di dalam mimpi itu kebanyakannya soal-soal itu menjadi terang segala jalan-jalannya sewaktu aku masih tidur.²⁵

Dari keterangan-keterangan di atas, nyatalah bahawa Ibn Sina tidak pernah mengalami ketenangan dalam hidupnya. Berkemungkinan kerana kesibukannya itu sebagai suatu penyebab umurnya tidak begitu panjang dan keadaan ini pula yang mengakibatkan dia ditimpa penyakit yang tidak dapat diubati lagi. Pada tahun 428 H. (1037 M.) dia meninggal dunia dalam usia 58 tahun.²⁶

Pekerjaannya

Ibn Sina sebagai tokoh dunia telah menyumbangkan baktinya dan telah menceburkan diri dalam lapangan pekerjaan yang ada hubung kaitnya dengan bidang kemasyarakatan. Pekerjaan yang ada diceburinya itu dapat dibagi sebagai berikut:

1. Sebagai Doktor perubahan
2. Sebagai Negarawan, dan
3. Sebagai Pengarang

²⁵Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 49 - 50

²⁶*Ibid.*, h. 116

Tentang pekerjaannya sebagai doktor, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam pembahasan di atas, Ibn Sina mengawalinya melalui Istana Sultan Nuh, bahkan bukan hanya pada satu tempat sahaja, akan tetapi dia selalu berpindah dari satu kota ke satu kota yang lainnya, serta mengubati siapa sahaja yang memerlukan khidmatnya.

Adapun kota-kota tempat ia bekerja sebagai doktor adalah sebagai berikut:

1. Bukhara

Arthur Hyman di dalam hal ini mengatakan:

Mana kala keahlian Ibn Sina berhasil menyembuhkan Sultan Nuh bin Mansur Sultan Samaniyah di Bukhara, maka penguasa itu telah mendaftarkan namanya dalam daftar doktor pribadinya dan menyediakan baginya perpustakaan negara yang kaya dengan buku-buku yang belum pernah dibaca dan dilihatnya selama ini.

Tidak ada suatu praktek kedokteran di zaman dahulu yang tidak diketahuinya. Dalam suatu jamuan negara, Sultan Nuh memperkenalkannya kepada yang hadir. Selama itu pula, dia mempelajari falsafah dan logik dengan sangat tekun sekali, dengan secara teratur dia mempergunakan perpustakaan negara yang terkenal dari raja-raja di Bukhara. Akan tetapi sangatlah disayangkan, kerana secara tiba-tiba perpustakaan

itu terbakar, kenangan sewaktu ia belajar di perpustakaan itu selamanya tetap segar dalam ingatannya.²⁷

Akan tetapi setelah pelindungnya Sultan Nuh meninggal dunia pada tahun 997 M. dan setelah berakhirnya pemerintahan Samaniyyah pada 999 M. maka perjalanan hidup Ibn Sina mulai berubah. Dia dipaksa oleh pemerintah yang baru supaya meninggalkan Bukhara,²⁸ akhirnya ia menghabiskan sisa hidupnya dalam berbagai pekerjaan di pejabat-pejabat pemerintahan bahagian timur dari pemerintahan Khalifah di Baghdad, serta menceburkan diri dalam bidang politik dan peperangan.²⁹

2. Rayy

Sesudah ia berpindah-pindah dari satu tempat ke tempat lainnya dengan memakan waktu yang sangat lama, kemudian ia menetap di Rayy. Di kota ini ia bekerja membaktikan dirinya kepada penguasa Buwaihiyah, Al-Syayyidah (wanita) dan putranya Majd al-Dawlah.³⁰

3. Tabristan

Setelah beberapa lama tinggal di Rayy, tibalah masanya ia meninggalkan kota tersebut, keberangkatannya ini disebabkan ada undangan

²⁷ Arthur Hyman, *op.cit.*, h. 236

²⁸ Kekuasaan Samaniyah pada waktu itu jatuh ke tangan tentara Turki di bawah pimpinan Jendral Ilak Khan pada tahun 999 M. semuanya itu menyebabkan pindahnya pusat kebudayaan dan politik Iran ke kota Ghana di Afganistan.

²⁹ Arthur Hyman, *op.cit.*, h. 236

³⁰ *Ibid.*, h. 236 - 237

yang diterimanya dari Amir Syam al- Ma'ali Qabus bin Wasyamkir yang berkedudukan di Tabaristan.

Di Tabaristan dia mempergunakan suatu cara pengobatan yang luar biasa di zamannya, yaitu pengobatan melalui jiwa. Bagaimana caranya dikatakan oleh Othman Amin, ada diterangkan dalam bukunya "Al Qanun".³¹

4. Hamadhan

Ibn Sina tinggal di Tabaristan tidak sampai satu tahun setelah itu dia meneruskan perjalanannya ke Hamadhan atas undangan Kepala Negara Syam al- Dawlah. Saudara dari Majid al- Dawlah yang pernah di-ubatnya di Rayy. Dia berada di Hamadhan pada 397 H./ 1005 M.³²

5. Isfahan

Tidak kurang dari lima tahun lamanya dia bekerja sebagai Doktor di Hamadhan, kemudian dengan cara yang sangat rahasia dia meninggalkan Hamadhan, barulah pada 413 H. / 1022 M. dia berada di Isfahan bekerja dengan Sultan 'Ala al- Dawlah Dia telah menyembuhkan 'Ala al-

³¹Othman Amien, *Syachshiyat wal Mazahib al Falsafiyah*, (Cairo: t.p., 1945), h. 64

³²Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 77

Dawlah dari penyakitnya, dan bertahun-tahun lamanya dia bekerja sampai kepada hari wafatnya di Hamadhan pada 423 H./ July 1037 M.³³

Berbeza dengan para ahli ilmuan lainnya yang kadang kala hanya menguasai satu bidang disiplin ilmu sahaja, akan tetapi Ibn Sina di samping pekerjaannya sebagai doktor dia juga menceburkan diri dalam bidang politik atau sebagai seorang negarawan.

Rupanya pengalamannya sebagai seorang doktor istana yang selalu ke luar masuk yang berhadapan dengan kepala-kepala pemerintahan, menyebabkan ia mahir dalam bidang politik.

Ibn Sina pernah menduduki tempat-tempat yang penting dalam pemerintahan suatu negara sebagai bukti pernyataan dari Montgomery Watt yang mengatakan:

Bukti-bukti lain mengingatkan bahawa Ibn Sina telah menduduki tempat yang terkemuka di berbagai bidang di daerah sebelah Timur pemerintahan Khalifah seperti di Bukhara, Gurganj, Hamadhan dan Isfahan, suatu waktu dia pernah menjadi Menteri atau Perdana menteri. Ertinya ada waktunya dia berkuasa besar dalam politik sebagai yang diinginkan dan ada masanya dia dijatuhkan dari kedudukannya.³⁴

³³*Ibid.*, h. 78

³⁴W. Montgomery Watt, *Muslim Intellectual*, (t.tp.: University of Edinburgh, Published by Edinburgh university Press, 1963), h. 45

Sebagaimana halnya seorang politikus, pengalaman sebagai seorang politik semua dilaluinya pada suatu ketika kadangkala ia menjadi seorang yang berpangkat tinggi yang disanjung dan dipuja dan pada saat yang lain kadangkala ia dijatuhkan, bahkan diburu dan pernah dimasukkan ke dalam penjara.³⁵

Di antara pengalaman-pengalaman politiknya ia pernah menjadi penasihat pribadi Sultan Nuh bin Mansur di Bukhara dan pernah pula sebagai seorang yang memegang jawatan pegawai tadbir di Kharmaitan. Di Hamadhan ia pernah dilantik sebagai Menteri pertama, jawatan tersebut dipegangnya tidak kurang dari lima tahun, mulai dari tahun 397 – 402 H. (1005 – 1010 M.).³⁶

Pada waktu ia sebagai Menteri sikapnya sangat keras terhadap pegawai dan tentera yang rasuah, yang menyeleweng dari peraturan-peraturan yang berlaku, tindakan yang dilakukannya sangat menggoncangkan terutama dari pihak tentera yang menunjukkan perlawanan yang paling keras.

Dari antara dua pilihan, rakyat banyak ataukah tentera yang rasuah Ibn Sina tetap berpendirian memihak kepada rakyat yang hidup menderita dan melarat, kerana rasuah yang dilakukan oleh para tentera di waktu itu.

³⁵ Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 77

³⁶ *Ibid.*, h. 80 - 81

Kerana tindakannya yang keras itu akhirnya timbullah perlawanan dari pihak tentera hingga akhirnya Ibn Sina dibawa ke rumah tahanan. Segala harta milik Ibn Sina mereka rampas dan mereka menuntut kepada amir supaya Ibn Sina dihukum bunuh. Amir menolak hukuman itu, akan tetapi untuk memuaskan hati para tentera, amir memutuskan hukuman buang daerah.³⁷

Sebagaimana lazimnya seorang tokoh politik yang kadangkala jatuh dan bangun dari jawatannya, walaupun Ibn Sina telah pernah dibuang ke luar daerah, akan tetapi pada saat yang lain ia sempat menjawat sebagai Perdana Menteri di Hamadhan untuk kedua kalinya.

Belajar dari pengalaman masa lalu, pada jawatannya kali yang kedua ini Ibn Sina lebih bijaksana menjalankan perubahan politik yang dianutnya, dan lebih pintar menghadapi angkatan tentera.

Jawatan pemerintahan yang dipegangnya untuk kali yang kedua ini berjalan sangat lama, tidak kurang dari sembilan tahun iaitu dari 403 – 412 H. (1012 – 1021 M.).³⁸

Walaupun ia berusaha dengan sangat bijaksana selama ia menjawat sebagai menteri itu, akan tetapi dihujung-hujung dari jawatannya ia tetap berlawanan dengan pihak tentera. Sehingga akhirnya ia diberhentikan dari jawatannya untuk kali yang kedua itu bahkan

³⁷ *Ibid.*, h. 81 - 82

³⁸ *ibid.*, h. 83 - 84

namanya tercatat dalam senarai hitam orang-orang yang mengadakan hubungan sulit dengan Ala al- dawlah penguasa di Isfahan.³⁹

Akhirnya dengan alasan yang dicari-cari amir telah menangkap Ibn Sina dan memasukkannya ke dalam penjara Fardajan.⁴⁰

Setelah melalui pengalaman pahit selama tinggal di Hamadhan akhirnya Ibn Sina meninggalkan kota tersebut menuju kota Isfahan pada tahun 403 H. = 1022 M. Kedatangan di kota tersebut disambut dengan penuh rasa kegembiraan oleh Sultan Alawuddawlah. Sultan memcrintahnya supaya memegang pemerintahan dalam jawatan yang tinggi, tetapi permintaan itu ditolakny, akhirnya ia hanya menerima menjadi Penasehat Agung Sultan. Jawatan terakhir ini dipegangny selama 15 tahun sampai ia meninggal dunia.⁴¹

Demikianlah gambaran secara singkat tentang pekerjaannya sebagai seorang negarawan, sedangkan pekerjaannya sebagai pengarang untuk mendapat jumlah yang pasti dari hasil karyanya itu, sangatlah besar jasa Fater dari Domican di Kairo, yang telah menyelidiki sedalam-dalamnya dan menghimpun hasil-hasil penyelidikannya itu di dalam satu buku.

³⁹ Arthur Hyman, *op.cit.*, h. 236

⁴⁰ Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 85

⁴¹ Sewaktu penguasa Isfahan bergerak menentang Hamadhan, Ibn Sina dibawanya ikut serta. Di sanalah dia menghabiskan nyawanya, kerana keletihan, pada tahun 1037 M. Najib Ullah, *Islamic Literature*, Formerly Professor at the University of Kabul, (Afganistan: Published by Washington Square Book New York, t.th), h. 123

Buku yang dinamakannya *Essei de Bibliographie Avicenna* memuatkan nama-nama dari segala buku-buku risalah yang pernah dikarang oleh Ibn Sina berjumlah 276 buah. Buku tersebut telah diterjemahkan oleh ligan Arab bahagian kebudayaan ke dalam bahasa Arab dengan nama "Muallaf Ibn Sina" karangan-karangan Ibn Sina, pada tahun 1950.⁴²

Demikianlah hasil-hasil penyelidikan yang menjadi saksi mata, dan jika kita ambil secara garis besar, bahawa semua karangan yang berjumlah 276 itu dilakukan oleh Ibn Sina dalam waktu 37 tahun, jika dikira secara purata, setiap tahunnya dia mengarang lebih kurang 7 buah buku atau risalah. Dalam hal ini jangan dilupakan bahawa ada buku yang terdiri dari 20 jilid, 18 jilid dan seterusnya.⁴³

Dari sekian banyak buku-buku karangan Ibn Sina itu yang terkenal hingga sekarang ialah:

1. *Kitāb Asy-Syifā'*

Kitab ini adalah karangan Ibn Sina yang terpenting tentang falsafah dan terdiri atas empat bahagian; logik, matematik dan metafizik (*ilahiyat*): Suatu ensiklopedia besar dalam ilmu falsafah yang terdiri dari 18 jilid.

Kitab ini ditulis oleh Ibn Sina pada waktu menjadi menteri Kerajaan Syams al-Dawlah dan diselesaikan pada masa "*Ala'al-dawlah*" di

⁴² Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 115

⁴³ *Ibid.*, h. 118

Isfahan. Dengan kitab ini dia telah memperoleh kedudukan yang sangat tinggi dalam pandangan pemikir di dunia Timur dan Barat.⁴⁴

2. *Kitab al-Qānūn fi al-Tibb (Qanon of Medicin)*

Buku ini sangat tebal dan terdiri dari lima bahagian (kitab). Buku kedokteran yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin sejak zaman pertengahan dan merupakan literatur pokok pada universiti Eropa sampai akhir abad 17 Masehi. Dalam kitab ini, Ibn Sina menjelaskan cara-cara pengobatan yang pernah dilakukan oleh para doktor dahulu hingga zamannya, juga dia menghuraikan ilmu anatomi, jenis-jenis penyakit berjangkit yang terjadi melalui air dan debu. Juga tentang penyakit lever, jantung, saraf dan serangan jantung. Bahagian pertama buku ini ditulis sejak dia tinggal di Jurjan.⁴⁵

3. *Kitāb an-Najat*

Buku ini merupakan ringkasan dari buku asy-syifa dan pernah diterbitkan bersama-sama buku al-Qanun dalam ilmu kedokteran tahun 1593 M. di Rome dan pada tahun 1331 Masehi di Mesir.⁴⁶

⁴⁴ Hānā Fakhuri dan Khalīl al-Jār, *Tārīkh al-Arabīyah*, (Beirut: Dār al-Maʿrif, 1958), h. 116 - 117

⁴⁵ Umar Farukh, *Tārīkh al-Fīkr al-Arabī ilā Ayyām Ibn Khaldūn*, (Beirut: t.p., 1962), h. 326

⁴⁶ Ahmad Hanafī, *Pengantar Filsafat Islam*, (Jakarta: Bulan Bintang, 1987), h. 116 - 117

4. *Kitāh a-Isyārāt wa al-Tanbīhāt*

Kitab ini adalah yang terakhir ditulis oleh Ibn Sina dan yang paling indah dalam ilmu hikmah. Kitab ini berukuran kecil tetapi padat isinya dan susah untuk difahami. Isinya memuatkan perkataan mutiara dari pelbagai ahli fikir dan rahsia yang berharga yang tidak terdapat dalam kitab-kitab lain, antaranya huraian tentang ilmu logik dan hikmah serta kehidupan dan pengalaman kerohanian. Dicetak di Leiden pada tahun 1892 dan telah diterjemahkan suatu bahagian ke dalam bahasa Perancis.⁴⁷

5. *Kitāb Al-Hikmat al-Masyriqiyyah*

Buku ini banyak dibicarakan orang kerana tidak jelasnya maksud dari judul buku tersebut dan naskah-naskahnya yang masih ada memuatkan bahagian logik, ada yang mengatakan bahawa isi buku tersebut mengenai tasawuf tetapi menurut Carlos Nallino, kitab ini berisikan falsafah Timur sebagai imbalan bagi falsafah Barat.⁴⁸

Sebagai melengkapkan huraian karya-karya Ibn Sina sebagaimana yang tersebut di atas, maka William E. Gohlman mencatat sebanyak 91 karya, karya-karya tersebut adalah:

1. *Al-Lawāhiq* (Suplemen). Diterangkan dalam tulisan-tulisannya sebagai huraian (komentar) terhadap buku *Asy-Syifa'*.

⁴⁷ Hana Fakhuri, *op.cit.*, h. 162

⁴⁸ Ahmad Hanafi, *op.cit.*, h 117

2. *Asy-Syifa'*, yang menghimpun semua ilmu pengetahuan yang empat. Dia menulis buku-buku tentang ilmu pengetahuan alam (fizik) dan ketuhanan (metafizik, *al-ilahiyat*) dalam dua puluh hari di Hamadzan.
3. *Al-Hasil wa al-Mahsul* (Inti Sari). Ia ditulis di kota kediamannya untuk seorang ahli Fiqh Abu Bakr al-Baraqi.
4. *Al-Birr wa al-Ithm*, tentang etika (akhlak), yang ditulis untuk ahli fiqh itu juga.
5. *Al-Insaf (The Judgment)*, dua puluh jilid. Di dalamnya dia memberikan komentar terhadap semua buku-buku Aristotles, dan meluruskan tentang orang-orang Timur dan orang-orang Barat. Buku tersebut hilang dalam serbuan Sultan Mas'ud.
6. *Al-Majmu'* (Kompilasi) yang terkenal dengan *Al-Hikmah al-Arudhiyyah* (Falsafah Arudh), yang ditulis ketika berusia dua puluh satu tahun, untuk Abu al-Hasan al-Arudhi, tanpa mengikutkan mate-matik.
7. *Al-Qanun* (Aturan) menghuraikan tentang ilmu kedokteran, sebahagiannya ditulis di Jurjan dan di Al-Rayy, diselesaikan di Hamadan. Dia bermaksud memberikan huraian dan melakukan eksperimen-eksperimen.
8. *Al-Awsat al-Jurjani (The Middle, atau Jurjani)*, (ringkasan) tentang logik yang ditulis¹ di Jurjan untuk Abu Muhammad Asy-Syirazi.

9. *Al-Mabda' wa al-Ma'ad* (*The Origin and the Return/Asal dan (tempat kembali)*), membahas masalah jiwa, ia ditulis di Jurjan .
10. *Al-Arsyad al-Kulliyah* (*Comprehensive Observation*). Ia ditulis di Jurjan, juga untuk Abu Muhammad Asy-Syirazi.
11. *Al-Ma'ad* (*The Return* (tempat kembali), yang dikarang di Al-Rayy untuk Raja Majd ad-Dawlah.
12. *Lisān al-Arah* (Bahasa orang Arab), tentang filologi, yang dikarang di Isfahan, tetapi dia tidak menyalinnya ke dalam naskah yang jelas, oleh kerana itu tidak ada satu naskahpun yang boleh ditemukan.
13. Buku Falsafah *al-'Ala'i* (dalam bahasa Persia) yang disusun untuk Ala'ad-Daulah Ibn Kakuyah di Isfahan.
14. *An-Najāt* (keselamatan), yang ditulis dalam perjalanan menuju Sabur, Khawast, pada saat dia mengabdikan kepada Ala'ad-Dawlah.
15. *Al-Isyārāt wa at-Tanbihāt* (*Instructions and Remarks/Petunjuk-petunjuk dan teguran-teguran*), yang merupakan karyanya yang paling bagus dan terakhir dalam falsafah. Ia dijadikannya simpanan.
16. *Al-Hidāyat* (*Guidance/Petunjuk*), berisi falsafah, yang ditulis (pada waktu dia ditahan di Benteng Fardajan) untuk saudaranya, Ali. Buku ini berisi sebuah ringkasan semua cabang-cabang filsafat.
17. *Al-Kulanj* (*The colic/Sakit perut*), ditulis juga dalam benteng Fardajan namun semua naskahnya hilang.

18. *Hayy Ibn Yaqzan*, merupakan suatu allegori tentang akal yang aktif ditulis dalam benteng yang sama. Ia sebuah risalah.
19. *Al-Adwiyah al-qalbiyyah (Cardiac Remedies/ubat-ubatan penyakit jantung)* yang dikarang di Hamadzan.
20. Sebuah essay tentang nadi (*An-Nabdh The Pulse*), yang ditulis dalam bahasa Persia.
21. Sebuah essay tentang Phonetik (*Makharij al-Huruf*), ditulis di Isfahan untuk Al-Jabban.
22. Sebuah surat untuk Abu Sahl al-Massahi tentang sudut (*Az-Zawiyah*), yang ditulis di Jurjan.
23. Sebuah essay tentang kekuatan-kekuatan alam (*Al-Quwa al-Tabi'iyah Natural Faculties*) yang ditulis untuk Abu Sa'id al-Yamami.
24. *Risalah Al-Tayr (Burung/Bird)*, sebuah ellegori yang menjelaskan pencapaiannya dalam ilmu al-haq (*the knowledge of the truth*).
25. *Al Hudud (definition/definisi-definisi)*.
26. Sebuah essay yang menyanggah risalah Ibn al-Tayyib tentang kekuatan-kekuatan Alam (*Al-Quwa al-Tabi'iyah/Natural Faculties*).
27. *Uyun al-Hikmah (Essential Philosophy/Inti Falsafah)*, berisi tiga ilmu pengetahuan (logika, fisika dan metafisika).
28. Sebuah essay tentang konversi perasaan (*Ukus zawat al-jihat the conversions of modals*).

29. *Al-mujāz Al-Kabīr (The Large Epitome/Ringkasan Besar)*, tentang logik sedang buku *al-mujaz al-saghir* (ringkasan kecil) adalah logik buku *An-Najat*.
30. *Al-Qasidah (the Ode/Syair Lyris)*, tentang logik. Ia dikarang untuk As-Suhaili di Gurganj.
31. *Al-Khutbah at-Tawhidiyyah (Discourse of Unity/Pidato tentang ketauhidan)*, berisi masalah ketuhanan.
32. Sebuah essay tentang bagaimana memperoleh kebahagiaan (*tahshīl as-Sa'ādah the attainment of Happiness*), yang dikenal dengan *Al-Hujaj al-Asyar* (sepuluh Argumen).
33. Sebuah essay tentang Qadha' dan qadar (*Foreordination and Destiny*) dikarang dalam perjalanan menuju Isfahan, selama pelariannya ke sana.
34. Sebuah essay tentang Anderawi (*Al-Handaba'Endive*).
35. Sebuah essay tentang petunjuk menuju ilmu Logik (*Al-Isyarah ila Ilm al-Mantiq*).
36. Sebuah essay tentang cabang-cabang Falsafah dan ilmu pengetahuan (*Taqasim al-Hikmah wa al-Ulum*).
37. Sebuah risalah tentang *Oxymel*.
38. Sebuah essay tentang ketidak-terbatasan (*Al-La Nihayah the Infinity*).

39. *Al-Ta'aliq* (komentar-komentar); ditulis oleh Ibn Zaila di bawah dikte Syaikh Ibn Sina.
40. Sebuah essay tentang karakteristik-karakteristik Ekuator (*Khawas Khat al-Istiwa*).
41. *Al-Mubahathat* (diskusi-diskusi), berisi masalah-masalah yang dinyatakan oleh muridnya, dan jawabannya.
42. *Asyru Masa'il* (sepuluh masalah) yang dia jawab untuk Abu Ar-Raihan al Biruni.
43. Jawaban terhadap enam belas masalah bagi Abu Ar-Raihan.
44. Sebuah essay tentang posisi Bumi di Langit dan keberadaannya di tengah-tengah (*Hay'at al-Ard min as-Sama' wa kaunuha fi al-Wath' the Position of the Earth in Relation to the Heavens and on its Existence in the Center*).
45. *Al-Hikmah al-Masyriqiyyah* (falsafah Timur), semua naskahnya tidak ada lagi.
46. Sebuah risalah tentang konsiderasi Topik-topik Dialektik (*Ta'aqub al Mawadi al-Jadaliyyah*).
47. Sebuah essay tentang kesalahan orang yang mengatakan bahawa Kwantiti termasuk Subtansi (*Khata'man Qala inn al-Kammiyah Jauhariyyah*).

48. *Al-Madkhal ila Sina'at al-Musiqi* (Pengantar Menuju Seni Muzik *Introduction to the Art of Muzic*) yang tidak terdapat dalam buku An-Najah.
49. Sebuah essay tentang benda-benda angkasa (*Al-Ajram as-Samawiyah Celestial Bodies*).
50. Sebuah essay tentang memperbaiki kesalahan-kesalahan dalam watak perubatan (*Tadaruk al-Khata' al-Waqi' fi at-Tadbir at-Tibb Correcting the Errors in Medical Treatment*).
51. Sebuah essay tentang cara observasi Astronomi dan persesuaiannya dengan fizik (*Kayfiyat ar-Rasd wa tathabuyihi ma'na al-ilm at-Tabi'i Nature of Astronomical Observation and its Conformity with Physical Science*).
52. Sebuah huraian tentang akhlak.
53. Sebuah huraian tentang peralatan astronomi (*alat rasdiyyah*), yang disusun di Asfahan selama observasinya untuk Ala'ad-Daulah.
54. Sebuah surat untuk As-Suhaili tentang Kimia (*Al-Kimia'Alchemy*).
55. Sebuah huraian tentang tujuan buku *Categories* karangan Arisrotles (*Garad Qatighuriyah Object of the "Categories"*).
56. Ar-Risalah al-Adhawiyah fi al-Ma'ad (Surat adhawi tentang (tempat) kembali/ *The Adhawiyah letter of the return*); disusun untuk Amir Abu Bakar Muhammad Ibn Ubaid.

57. Mu'tasam as-syu'ara' (*the Defence of poets* Pembelaan Para Penyair), ditulis dalam puisi di negeri kediamannya pada waktu berumur tujuh belas tahun.
58. Sebuah huraian tentang definisi tubuh (*hadd al-jism definition of body*).
59. *Al-hikmah al-'Arseyiyah* (*Falsafah Arsy Throne Philosophy*) merupakan huraian tinggi tentang Ketuhanan.
60. 'Ahd (sebuah perjanjian / testament), di mana ia berjanji kepada Allah bagi dirinya.
61. Sebuah huraian yang menerangkan ilmu Zaid bukanlah ilmu Amr (*the Knowledge of Zayd is not the knowledge of Amr* Ilmu Zaid Chairu Ilmu 'Amr).
62. *Tadhīr al-jund wa al Malik wa al-A'sakir wa Arzaqihim wa kharaj al-Malik*. Manajemen dan perbekalan prajurit.pasukan (asal budak) dan tentara,serta perpajakan kerajaan / *The manajement an provisionining of soldiers, Slave Troops, and the Taxation of Kingdoms*.
63. Perdebatan yang terjadi antara Ibn Sina dengan Abu Ali An-Nasaburi tentang Jiwa (*An-Nafs The Soul*).
64. Beberapa pidato,puji-pujian kepada Allah dan sajak.
65. *Mukhtasar kitab uqlidus* (*A Summary of Euclid* Ringkasan buku *Euclid*), menurut saya kitab tersebut ditambah pada kitab *al-Najah*.

66. Sebuah huraian tentang aritmetik.
67. Beberapa sajak dan syair tentang kezuhudan dan tajuk-tajuk lain, dia melukiskan tentang kedudukan dan hal-ihwalnya.
68. Beberapa surat, dialog, koresponden dan karya-karya tulis ringan, dalam bahasa Arab dan Persia.
69. *Ta'aliq ala Masā'il Hunain* (beberapa komentar tentang masalah Hunain) tentang kedokteran.
70. *Qawānīn wa Mu'alajat at-Tibbiyah* (*Medical Principles and Practice*) Prinsip-prinsip peraktek perubatan).
71. Sepuluh yang ditanyakan kepada Ibn Sina oleh orang-orang se zamannya.
72. *'Iddah Masā'il at-Tibbiyah* (Sejumlah masalah kedokteran).
73. Beberapa masalah tentang perkara-perkara langka (*An-Nudur Rarities*).
74. Beberapa masalah yang diterangkan dalam beberapa catatan (*At-Tadhkir Notes*)
75. Jawapan terhadap masalah-masalah sederhana (*Masa'il Yasirah/ Simple Questions*).
76. Surat Ibn Sina kepada beberapa ulama Bagdad agar mereka mengahkimi antara dirinya dengan seorang dari Hamadhan yang mengaku sebagai seorang failasuf.

77. Surat kepada seorang teman yang meminta agar menghakimi antara dia dengan orang dari Hamadhan.
78. Jawapan terhadap beberapa masalah.
79. Jawapan Ibn Sina yang menerangkan tentang esensi kesedihan (*Ma'iyat al-Huzn*).
80. Komentarnya terhadap buku *De Anima* karangan Aristotles yang dikatakan bahwa ia dari buku *Al-Insaf (the judgment)*.
81. Sebuah huraian tentang jiwa (*An-Nafs the Soul*) yang dikenal dengan *Al-F'husul (Bab-bab/Chapters)*.
82. Sebuah huraian tentang pembuktian kesalahan Ilmu Nujum.
83. *Al-Milh fi An-Nahwi* (Anekdote tentang tata bahasa Arab).
84. *F'usul Ilahiyah fi Ithbat al-Awwal (Metaphysical Chapters on the Proof of the first (principle) /Bab-bab tentang Ketuhanan mengenai pembuktian (Prinsip) Yang pertama)*.
85. Beberapa bab tentang Jiwa dan Ilmu Alam (*An-Nafs wa at-Ta-bi'iyat*).
86. Sebuah surat kepada Abu Said Ibn Abi al-Khair tentang *zuhud*.
87. Sebuah huraian tentang tidak mungkinnya sebuah benda menjadi substansi dan non substansi (*Accidental Property*) *Annahu la Yajuzu an Yakuna Syai'uh wahid jauharan wa 'Aradan the Impossibility of the same thing Being Substance an Accident*).

88. Beberapa masalah yang terjadi antara dia dengan beberapa orang-orang terkemuka mengenai cabang-cabang ilmu pengetahuan.
89. Komentari-komentari (*Ta'liqat* yang dikemukakan oleh Abu al Faraj doktor dari Hamadhan dalam majelis-majelisnya dan jawapan-jawapan baginya).
90. Sebuah huraian yang disebutkan dalam karya-karya tulisnya tentang bahagian-bahagian bumi yang dilalui dan yang tidak dilalui (*Al-Musalik wa Buqa' al-Ard' the Traveled and Uninhabited Parts of the Earth*).
91. *Mukhtasar fi ann az-Zawiyah allati min al-Muhit wa al-Mamass la Kammiyata laha* (sebuah ringkasan (tentang posisi) bahawa sudut yang terbentuk dari lingkaran dari garis singgung tidak mempunyai *kwantiti magnitude*).⁴⁹

Adalah sangat menarik hati, bahawa sejumlah buku-buku karya Ibn Sina telah diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa Latin dan Hebrew dalam abad pertengahan, yang menjadi bahasa ilmu pengetahuan pada zaman itu.⁵⁰ Bahkan penterjemah itu berkesinambungan hingga abad ke-19, akan tetapi pada abad ini bukan lagi melalui bahasa Latin dan Hebrew, melainkan dalam bahasa Inggris, Prancis dan Jerman yang kemudian

⁴⁹ William E. Gohlman, *Sirah asy-Syaikh ar-Ra'is*, Terjemahan A. Hanif Hasan, (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1989), h. 25 - 23

⁵⁰ Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 120

diikuti pula oleh Spanyol, Belanda, Itali dan berbagai bahasa yang ada di zaman itu.⁵¹

Dari sekian banyak buku-buku karyanya itu, ada di antaranya yang diterbitkan berulang-ulang kali, sebagai bukti Philip K. Hitti ketika menceritakan tentang pemakaian buku *Al-Qanun* secara luas dijelaskannya sebagai berikut:

Diterjemahkan ke dalam bahasa Latin oleh Gerard dari Cremona dalam abad 12 M. buku *Al-Qanun* dengan isinya yang ensiklopedi, susunannya yang sistematis, dan perencanaannya yang filosofis. Begitu juga cara pembuatannya yang terbaik dalam literatur kedokteran di abadnya, menggantikan buku-buku Galen, Al Razi, Al Majusi. Ia dijadikan teksbook pendidikan kedokteran di segala sekolah di Eropah.

Pada 30 tahun terakhir dari abad ke-15 M., telah mengalami 15 kali penerbitan latin 1 kali bahasa Ibrani. Beberapa tahun kemudiannya dibuat terjemahannya dalam bahasa Inggris.⁵²

T.J. De Boer pula menambahkan, setelah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dalam waktu 30 tahun terakhir dari abad ke 15 M., buku itu dicetak sampai 16 kali, dan dalam abad ke 16 M., dicetak lagi sampai 20 kali dengan cetakan yang lengkap. Adapun penerbitan yang secara sebahagian-sebahagian tidaklah dapat dihitung berapa puluh kali cetakan-nya. Buku itu tetap merupakan "*text-book*" dalam ilmu kedokteran di Eropa, bahkan di Universiti Montpellier sampai bahagian akhir abad ke 19 tetap menjadi "buku standard". Sampai kepada waktu yang akhir ini, pelajaran

⁵¹ *Ibid.*, h. 123

⁵² Philip K. Hitti, *History of the Arabs*, (t.tp.: Princenton university, Published by Macmillan & Co., t.th.), h. 368

kedokteran Ibn Sina tetap dipertahankan oleh De Koning, Lippert, Hirschperg, dan lain-lainnya.⁵³

2.2 Latar Belakang Pemikiran Falsafah Ketuhanan Ibn Sina

Suatu perkara yang tidak dapat dimungkiri dari kenyataan dalam kehidupan sehari-hari, bahawa suatu ilmu itu berkembang terus menuju ke tahap kesempurnaan dan tidak bersifat statis. Dengan ungkapan lain, bahawa sesuatu yang terakhir bagi orang yang terdahulu adalah merupakan awal bagi orang sekarang.

Manusia tidak pernah terlepas dari proses saling pengaruh mempengaruhi antara satu dengan yang lainnya, bahkan secara kejiwaan sifat ingin meniru apa yang dimiliki oleh orang lain itu ada pada setiap manusia dan ini semuanya adalah merupakan realiti.

Kita juga dapat menyaksikan, bahawa dalam berbuat dan bertindak, tidak sedikit pemikiran orang dahulu mempengaruhi pemikiran orang sekarang, di samping itu masih juga ada kita lihat bahawa konsep pemikiran yang ada pada saat sekarang ini diterima secara langsung dan sepenuhnya tanpa sedikitpun perubahan dari pemikiran atau pendapat mereka yang terdahulu.

Namun dipihak yang lain pula kita lihat, banyak pemikiran-pemikiran orang terdahulu yang telah diusahakan semaksimal mungkin untuk mencapai kebenaran, maka disempurnakan oleh orang yang datang kemudian, bahkan

⁵³Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 128

telah dibuktikan dalam suatu bentuk kenyataan melalui data dan penelitian secara ilmiah.

Kenyataan yang demikian ini dialami oleh semua orang, bahkan termasuk juga tokoh yang sedang dibicarakan sekarang ini iaitu Ibn Sina. Walaupun telah berbagai macam hasil karyanya yang hingga saat ini ikut serta memperkaya khazanah Intelektual Islam, namun hasil pemikirannya itu tidak terlepas dari pengaruh pemikiran orang sebelumnya, khususnya di dalam hal ini buah fikiran failasuf Yunani, yang telah memberikan saham yang cukup besar dalam mewarnai hasil karyanya. M.M Syarif di dalam hal ini berpendapat, "Banyak sarjana-sarjana yang berkeyakinan bahwa Ibn Sina mengikuti pendapat Aristotles dan New Platonis akan tetapi dari segi lain ternyata doktrin New Platonis itu adalah sama dengan Aristotles.⁵⁴

Arthur Himan cs menerangkan :

Pengikut Aristotles di Timur (Islam), yang sangat penting ialah Ibn Sina, sedangkan bahagian Barat (Islam) Ibn Rusyd. Ibn Sina adalah seorang doktor, sarjana ilmu, politikus dan failasuf, telah merumuskan bagian tertentu dari ajaran Aristotles dengan diberinya bentuk kepercayaan kepada faham New Platonik

Sejumlah doktrinnya yang sangat penting mempunyai warna naturalis, dan pada waktu yang lain berwarna keagamaan, yang mungkin bersifat mistik yang tidak kurang terdapat dalam pemikirannya.⁵⁵

Selanjutnya Majid Fakhri pula menambahkan :

Kelanjutan dari pemikiran Ibn Sina dapat dilihat dari kecenderungan iluminasionis (Isyraqi)nya, yang merupakan pencapaian puncak New – Platonik yang menjadi miliknya sendiri. Seperti Al-Farabi, Ibn Sina mendirikan di atas sub struktur kosmologi Aristotelian–Ptolemaik sebuah

⁵⁴M. M. Syarif, *Para Failasuf Muslim, Terj.* (Bandung: Mizan, 1985), h. 107

⁵⁵Arthur Hyman cs., *op.cit.*, h. 234

bangunan besar New-Platonik, di mana wujud kaum emasionis secara keseluruhan telah dipersatukan.⁵⁶

Berdasarkan keterangan dari para ahli di atas, tidak diragukan lagi, bahwa pemikiran falsafah Ibn Sina telah dipengaruhi oleh konsep pemikiran para failasuf Yunani, iaitu Aristotles, New Platonisme yang mengembangkan falsafah Plato.

Michael Marmura dalam *Encyclopedia of Philosophy* memberikan perincian yang lebih sempurna tentang falsafah-falsafah Yunani yang diambil oleh Ibn Sina, menurutnya :

“Ibn Sina telah menempa suatu sistem falsafah yang lengkap, yang di dalam bahagian terbesar dia berhutang kepada Aristotles. Tetapi sistemnya itu tidak dapat secara tepat dinamakan aliran Aristotles.

Baik dalam epistimologi (asas pengetahuan) atau dalam metafisik, dia menerima doktrin New Platonik, yang dirumuskannya menurut caranya sendiri. Itupun masih ada pengaruh-pengaruh lain dari falsafah Yunani :

1. Plato dalam falsafah politik;
2. *Galen* dalam psikologi;
3. *Stics* dalam ilmu logik dan

4. Yang paling dekat lagi ialah pengaruh teologi dan falsafah Islam. Ahli-ahli teologi Islam menekankan pengaruh alam atas segala benda yang menundukkan teori “kausal” dari Aristotles kepada logik yang keras dan yang empiris (berdasarkan penyelidikan).⁵⁷

Tidak hanya sekedar pemikiran failasuf yang mempengaruhi pemikirannya, dalam keterangan di atas telah dijelaskan bahawa pengakuannya secara jujur tentang hutang budinya, kepada al-Farabi failasuf Islam sebelum-

⁵⁶Majid Fakhri, *A History of Islamic Philosophy*, Terjemahan Mulyadi Kartenegara, (Jakarta: Pustaka Jaya, 1987), h. 197

⁵⁷Michael Marmura, *The Encyclopedia of Philosophy*, (New York: Published by the Macmilan Coy & The Free Press, 1967), h. 226

nya, yang telah menjadikan dirinya dapat memahami metafizik Aristotles,⁵⁸ bahkan bukan hanya sekadar itu sahaja, dalam bidang ilmu Astronomi Ibn Sina diperkirakan mendapat pengaruh dari Al-Kindi.⁵⁹

Di samping itu juga Ibn Sina berterima kasih kepada kaum Isma'ilyyah, kerana merekalah yang mendorong dan banyak membantunya untuk mempelajari falsafah bahkan ia juga sering mendengar perbincangan mereka.⁶⁰ Perlu dicatat bahwa ahli sejarah abad kedua belas al-Bayhaqi menjelaskan, seperti ayahnya Ibn Sina telah sering membaca surat-surat *Ikhwan al-Safa*.⁶¹

Selain dari pada itu, tidak kurang pentingnya ialah pengaruh keluarganya, terutama ayahnya yang telah berusaha membimbing dan mendidiknya dan

⁵⁸ Seorang ahli sejarah bernama Haji Khalifah (m. 1657 M.), juga mengatakan bahawa karya utama Ibn Sina al-Syifa', ditulis berdasarkan buku yang serupa milik Al-Farabi, Lihat Haji Khalifah, *Kasyf al-Zunun*, III, (Leipzig dan London: t.p., 1935), h. 98

⁵⁹ Hasbullah Bakry, *Di Sekitar Filsafat Skolastik Islam* (Jakarta: Tinta Mas, 1984), h. 49

⁶⁰ Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 42, Lihat Majid Fakhri, *op.cit.*, h. 195

⁶¹ Al-Bayhaqi, *Muntakhab Suwan al-Hikmah*, Bodleian Ms. Marh 539 dan Koprulu 902, h. 40, Al-Qibti, *Tarikh Al-Hukama'*, (Leipzig: t.p., 1903), h. 413 Gerakan Ikhwan al-Safa itu meninggalkan karya berupa 50 buah Risalah berjudul "Rasail Ikwana al-Safa", dan risalah ke 51 berisikan ringkasan berbagai pembahasan pada risalah-risalah sebelumnya. Lima orang tokoh yang membangun Ikhwan al-Safa itu ialah: Muhammad bin Masyar Al-Mudaddasi, Abu-Hasan Ali bin Harun, Abu Ahmad Al-Marjani, Al-Awuffi dan Zaid bin Rafaat. Nama dari Gerakan Ikhwan al-Safa itu menurut suatu riwayat dikatakan terambil dari kandungan isi kisah Merpati dalam cerita Kalilah dan Daminan, sebuah karya klasik dari India buah tangan ahli fikir Baidaba, yang mengisahkan kemurnian persahabatan. Lihat Yoesoef Souyb, *Pemikiran Islam Merobah Dunia*, (Jakarta: Maju, 1984), h. 145-146

menganjurkan supaya ia mempelajari falsafah sejak ia masih berumur 10 tahun.⁶²

Terpengaruhnya terhadap pemikiran failasuf-failasuf di masanya ataupun sebelumnya, baik ianya failasuf Yunani mahupun failasuf Islam adalah wajar sahaja, walaupun kadangkala ia sendiri tidak menyedari landasan tempat berpijak buah dari pemikirannya itu, kerana sebagaimana yang telah diungkapkan di atas bahwa proses saling pengaruh mempengaruhi itu adalah merupakan hal yang lumrah dalam kehidupan manusia.

Dari berbagai macam pemikiran yang telah mempengaruhi jalan pemikirannya, ada suatu perkara lagi yang tidak dapat ditinggalkan, bahkan ianya juga ikut serta memegang peranan penting dalam membentuk Ibn Sina. Yang dimaksud di sini ialah keyakinannya terhadap agama.

Pemikirannya sudah pasti dipengaruhi oleh keyakinannya ini. Apalagi kalau diperhatikan dalam Al-Qur'an, berfikir atau memperhatikan tentang kejadian alam yang akhirnya berhujung dengan bukti adanya Tuhan adalah merupakan anjuran dari kitab suci dan sabda Nabi. Bahkan Al-Qur'an juga menggunakan dalil adanya Khalik sebagai bukti adanya makhluk.⁶³

⁶² Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 38

⁶³ Lihat Departemen Agama RI, *Al-Qur'an dan Terjemahnya*, (Jakarta: Proyek Pengadaan Kitab Suci Al-Qur'an Depag. RI, 1984/1985), h. 781

Jadi jelaslah di sini bahwa Al-Qu`ran menyuruh dan mengembangkan cara berfikir yang berkreativiti dengan akal fikiran. Di antaranya dapat diperhatikan dalam Firman Allah SWT.:

ان في خلق السموات والارض واختلاف الليل والنهار لآيت لأولى
 الالباب ﴿ال عمران، ٣ : ١٩٠﴾

Ertinya: “Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal”.⁶⁴

Dalam perkara ini Michael Marmura menambahkan:

Baik sebagai sarjana metafizik ataupun sebagai seorang politikus, Ibn Sina menafsirkan agama Islam dalam istilah-istilah sistemnya ini.

Apakah agama yang dimaksudkannya ialah agama Islam dalam tafsirannya dapat dijadikan bahan perdebatan tetapi Islamlah yang memberikan jalan bagi Ibn Sina untuk merumuskan falsafahnya.⁶⁵

Dalam ‘*New Catholic Encyclopedia*’ juga dijelaskan:

Perasaan keagamaan yang mendalam dari Ibn Sina ikut juga mengambil bahagian dalam pengaruhnya kepada ilmu falsafah dikemudian hari. Baginya pelajaran agama dan penemuan falsafah, terutama di lapangan metafizika, pada akhirnya akan sejalan, seorang agamis atau seorang failasuf menuju kepada tujuan yang sama.⁶⁶

Dari beberapa huraian di atas dapatlah diketahui, bahawa tidak sedikit konsep-konsep pemikiran yang telah mempengaruhi Ibn Sina, sehingga akhirnya dari berbagai macam pengaruh itu membentuk suatu pemikiran yang

⁶⁴ Departemen Agama RI, *op.cit.*, h. 109

⁶⁵ Michael Marmura, *op.cit.*, h. 226

⁶⁶ L. Gardet, *New Catholic Encyclopedia*, (New York: Published by Mc. Graw-Hill Book Coy, 1967), h. 1131 - 1132

berciri khas tersendiri serta membentuk aliran tersendiri dari pemaduan berbagai konsep yang ada.⁶⁷

Secara jujur memang harus diakui, bahawa pertama kali ketika Ibn Sina baru mempelajari falsafah, ia sangat setia dengan pendapat-pendapat Aristotles. Akan tetapi kesetiaannya itu hanya bersifat sementara, kerana pada waktu itu ia masih belum dewasa. Akan tetapi setelah itu, ia meninggalkan Aristotles dan menegakkan falsafah sendiri yang dinamakan “Falsafah Timur”. Kerananya ada beberapa Sarjana yang berpendapat, bahawa falsafah Islam mempunyai lapangan tersendiri. Perkataan “Falsafah Timur” sangat penting bagi failasuf-failasuf kemudian, sebab ia berbentuk sebuah pengumuman Ibn Sina, bahawa mulai pada masa itu ia telah meninggalkan kapal tumpangan Yunani yang selama ini menjadi alat pembawanya. Sekarang ia berlayar dengan kapalnya sendiri, iaitu kapal falsafah Timur”.⁶⁸

2.3 Pengaruh Pemikiran Ibn Sina

Falsafah Islam mencapai puncak kegemilangannya pada zaman hidupnya Ibn Sina. Dialah failasuf Islam yang paling banyak menulis buku-buku ilmiah sampai kepada perkara yang bersifat cabang dan ranting. Sedangkan bagi failasuf Islam yang datang sesudahnya, kemajuan yang dicapai tidaklah begitu bererti, malahan sebahagian besar, mereka hanya menghuraikan buku-buku yang telah ditulis oleh Ibn Sina, seperti Al-Razi dan At-Tusi. Pada

⁶⁷ Anthony Nutting, *op.cit.*, h. 125

⁶⁸ Omar Amin Hoesin, *Filsafat Islam*, (Jakarta: Bulan Bintang, t.th.), h. 126

zamannya falsafah Islam benar-benar mencerminkan kepribadiannya, sehingga ia menjadi sasaran serangan dari kalangan yang menghendaki kehancurannya.⁶⁹

Hal yang demikian ini memang tidak dapat dimungkiri, bahawa ia adalah seorang failasuf Islam yang bertaraf internasional. Ini terbukti, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam pembahasan di atas, betapa banyaknya hasil karyanya yang telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa, baik yang berupa falsafah, mahupun penemuan-penemuan ilmiah lainnya.

Kemasyhuran dalam bidang falsafah, bukan hanya sekadar di dunia Islam sahaja, akan tetapi jauh menjangkau belahan dunia Eropa khususnya bagi dunia Kristian, bahkan namanya jauh lebih masyhur daripada nama gurunya Al-Farabi dan failasuf Islam lainnya. M.M Syarif, Ketika menjelaskan tentang pengaruh pemikiran Ibn Sina di dunia Timur berpendapat:

Di Timur, sesungguhnya sistem Ibn Sina telah mendominasi tradisi falsafah muslim sampai pada zaman moden ketika ia disejajarkan dengan beberapa orang pemikir Barat oleh mereka yang dididik di universiti-universiti moden. Begitu juga di madrasah-madrasah yang dikelola secara tradisional, pemikiran Ibn Sina masih tetap dipelajari sebagai seorang failasuf Islam terbesar.⁷⁰

Ibn Sina Juga dianggap sebagai Imam para failasuf di masanya bahkan sebelum dan sesudahnya. Keginiusannya bukan hanya dunia Islam yang memanjungnya, ia memang merupakan satu bintang gemerlapan yang meman-

⁶⁹ Ahmad Fuad Al-Ahwani, *Al-Falsafah Al-Islamiyyah*, (Cairo: Dar al-Qalam, 1975), h. 78

⁷⁰ M.M. Syarief, *op.cit.*, h. 136

carikan cahayanya tersendiri yang bukan pinjaman, sehingga Roger Bacon, failasuf kenamaan dari Eropa Barat pada abad pertengahan menyatakan bahawa sebahagian besar falsafah Aristotles tidak sedikitpun memberi pengaruh di dunia Barat, kerana kitabnya tersembunyi entah di mana, walaupun ada, kitabnya itu sangat susah untuk didapatkan dan sangat susah untuk difahami serta tidak disukai orang. Sampai saatnya Ibn Sina, Ibn Rusyd dan juga pujangga Timur lainnya membuktikan kembali falsafah Aristotles disertai dengan penerangan dan keterangan yang luas.⁷¹

Jika Al-Farabi mendapat gelar dengan sebutan guru kedua sesudah Aristoteles, maka Ibn Sina terkenal dengan sebutan guru ke III. Khusus bukannya yang bertajuk *Al-Isyarat wa al-Tanbihat*, adalah merupakan buku yang terbaik dalam bidang falsafah metafizik, sehingga mendapat perhatian di kalangan para sarjana bahkan mempunyai pengaruh yang sangat besar di dunia Barat. Pengaruh dari bukunya itu secara jujur diakui oleh Jan Romein yang menerangkan:

Husein Ibn Abdullah Ibn Sina (980 – 1037 M) di dunia Barat terkenal dengan nama 'Avicenna', dalam cerita Timur terkenal sebagai Raja pengetahuan, mempelajari falsafah Aristotles dan menerapkannya dalam ilmu jiwa. Ia mengabdikan kepada berbagai Raja sebagai tabib atau sebagai Menteri.

Dari buah karangan Avicenna itu, orang Barat mengenal Aristotles. Demikian juga dari karangan Ibn Rusyd atau Averroes (1126 – 1198). Tafsirannya atas buah fikiran Aristotles diterjemahkan orang ke dalam bahasa Latin atas anjuran Kaisar Frederick II. Melalui buah fikiran Avicenna itu, Aristotlesme mencapai Universiti Italia dan Paris.

⁷¹ Imam Munawir, *Mengenal Pribadi 30 Pendekar dan Pemikir Islam dari Masa ke Masa*, (Surabaya: Bina Ilmu, 1985), h. 332 - 333

Berdasarkan Avicenna dan Averroes itu pulalah, Thomas Aquino (1224 – 1274), seorang ahli agama-falsafah Itali yang terkenal, memberikan dasar fikiran Aristotlesme pada dogma Katholik. Falsafah itu lebih-lebih dalam zaman kita ini, dianggap sebagai falsafah resmi Gereja Katholik.⁷²

Untuk membuktikan lagi kebesaran pengaruh aliran Ibn Sina, Juriy pula mengatakan:

Catatan-catatan dari doktrin-doktrin yang otoriti dari Ibn Sina muncul selama abad 14 dalam komentar tentang Buku Falsafah” yang ditulis dengan nama samaran oleh Mister Eckhart (lebih kurang 1260 – 1327 M.), Dominican yang se zaman dengan Dante (1265 –1321 M.). Di sinilah perbezaan ke dalam bentuk Aristotles yang sebenarnya.

Demikian, masuknya Ibn Sina ke dalam alam pemikiran Barat adalah rangkaian yang tidak dapat dielakkan daripada karya-karya yang memberikan suatu pertunjukan bagi falsafahnya Thomism (Thoma Equinas).

Di samping itu komentar yang brilliant terhadap buku “De Ente et Essentia” dari aliran Aquino, patut diperhatikan, iaitu dikerjakan oleh Cardinal Cajetan (1469 – 1534) dari Academy of Padua di tahun pelajaran 1493 – 1534 M.

Begitu juga ahli teologi Sepanyol-Prancis, John of St. Thomas (nama keluarga John Poisot, 1589 –1644) telah membuat refrensi berulang kali kepada Ibn Sina dalam pelajaran-pelajaran yang diberikannya di Alcala dan Madrid pada 1630 – 1643, sebagaimana disiarkan baru ini pada 1930 di Turin dengan tajuk “Cursus Philosophicus Thomisticus”.⁷³

Arthur Hyman cs, mengatakan bahawa, dalam dunia Kristian pelajaran Ibn Sina sangat terkenal. Etienne Gilson memberi alasan bahawa mereka menyelenggarakan pengaruh falsafah selama separuh pertama dari abad ke 13. Menurut beberapa sarjana, mereka mencampurkan dengan pengertian Augustinus menghasilkan suatu “*Avicinnizing Augustinianism*”.

⁷²Albert E. Avey, *Handbook in the History of Philosophy*, (New York: Published by Barnes & Noble, Inc., 1961), h. 82

⁷³Edward J.Jurji, *A History of Philosophical System*, (New York: Published by The Philosophical Library, 1950), h. 168-169

Albertus Magnus, Roger Bacon, Thomas Aquinas dan Duns Scotus, adalah kaum scholastic yang dipengaruhi oleh Ibn Sina dalam ukuran yang berbeza-beza. Begitu juga dengan failasuf-failasuf Yahudi, sudah mengenal dan mempergunakan ajaran-ajaran Ibn Sina.⁷⁴

The Catholic Encyclopedia for School and Home pula mengatakan:

Simpati Ibn Sina kepada doktrin-doktrin New Platonic, sering diperkuat pengaruhnya pada falsafah Latin di zaman tengah oleh kaum New Platonic Kristian seperti St. Augustine (354 – 430 M.) dan Dionysius the Areopagite (lebih kurang 500 M.). Pengaruh Ibn Sina pada falsafah yang kemudian ini adalah kompleks. Dia mempunyai otoriti sebagaipenterjemah dari Aristotles, tetapi terjemahannya itu selamanya dihubungkan dengan kepribadiannya yang tinggi dalam membuat “sintese” antara doktrin New Palatonic dengan bahasa Aristotles”.⁷⁵

Berdasarkan kenyataan di atas, maka keluarlah pengakuan secara terus terang terhadap Ibn Sina dari Alberry sebagai berikut:

Abu Ali Ibn Sina adalah merupakan raksasa di dalam ilmu pengetahuan dan ajaran-ajaran dibanding dengan sarjana dan kaum terpelajar lainnya. Segala peristiwa hidupnya dan hasil-hasil karyanya diceritakan secara terperinci dengan grafik yang nyata di dalam buku auto-biografinya, yang dengan teratur dan berurutan diceritakan oleh muridnya.⁷⁶

Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam pembahasan terdahulu, bahawa Ibn Sina mempunyai pemikiran-pemikiran baru, baik di dalam menafsirkan doktrin-doktrin yang ditinggalkan oleh Aristotles mahupun di dalam

⁷⁴ Arthur Hyman *cs.*, *op.cit.*, h. 234

⁷⁵ *The Catholic Encyclopedia for School and Home*, (New York: Published by Mc Graw-Hill Book Coy, Volume I, 1965), h. 515

⁷⁶ A. J. Arberry, *Aspects of Islamic Civilization*, (London: Published by Unwin Brothers Ltd., 1964), h. 120

penemuan-penemuan baru yang diperolehnya sendiri. Kerana pemikirannya itu, ia mempunyai pengikut-pengikut di Eropa.

Muhammad Yusuf Musa dengan nada yang indah menerangkan bahawa, cara hidup Ibn Sina yang bersifat praktis menyebabkan dia tidak mahu terikat kepada suatu teori tertentu, baik yang lama mahupun yang baru. Sesudah mempelajari falsafah yang lama dari Barat dan Timur, maka dia mengambil jalan fikirannya sendiri, memilih dari berbagai pendapat para sarjana yang mendahuluinya akan prinsip-prinsip yang sesuai dengan pendapatnya, dengan tidak menghiraukan dari manapun datangnya.

Justeru itu kita memperoleh di dalam berbagai karangannya akan inti-sari dari teori-teori baru yang berasal dari berbagai aliran yang berbeza-beza dan yang pernah dikenal oleh para ahli ilmu falsafah. Kecekapannya mengolah berbagai macam fikiran itu yang merupakan keagungan dan ketinggian, menyebabkan para pembaca karangannya tidak mudah merasakan dari mana asal pendapatnya itu.⁷⁷

Dengan keahliannya dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan yang serba kompleks itu, dunia ilmu pengetahuan tidak dapat menutup mata dan melupakan, maka pada tahun 1370 Hijrah atau 1951 Masehi, diperingatilah genap 1000 tahun hari lahirnya Ibn Sina. Peringatan yang sangat bersejarah ini

⁷⁷ Muhammad Yusuf Musa, *Zikra Ibn Sina: an Nahiah al Ijtima'iyah was Siyasiyah min Falsafah Ibn Sina*, (Cairo, Publications de l'Institut Francais d'Archeologie Oriental du Cairo, 1951), dikutip dari Zainal Abidin Ahmad, *op.cit.*, h. 232

diadakan di kota tempat wafatnya, iaitu kota Hamadhan di Iran pada bulan Safar 1370 Hijrah atau 29 April 1951.⁷⁸

Tidak kurang dari lima buah Negara yang merasa berhak untuk melakukan peringatan itu, lima buah negara tersebut ialah: Turki, Afganistan, Iraq, Iran, termasuk juga Rusia (Republik Uzbekistan).⁷⁹

Upacara yang sangat bersejarah itu dihadiri oleh wakil-wakil dari 26 Negara di dunia, yang terdiri dari para negarawan dan para sarjana. Mereka berkumpul untuk memberikan penghormatan kepada arwah seorang tokoh ilmunan dunia yang kemasyhuran namanya bertaraf internasional yang sangat sedikit jumlahnya di dunia ini.

Suatu hal yang sangat menarik perhatian dari peringatan tersebut, dikumpulkan kembali segala buku-buku atau karya Ibn Sina serta tulisan-tulisan orang tentang dirinya. Kesemua buku-buku itu ditempatkan dalam

⁷⁸ *Ibid.*, h. 10

⁷⁹ Dalam perebutan untuk memperingati 1000 tahun hari kelahiran Ibn Sina itu, negara-negara tersebut masing-masing mempunyai alasan: (1) Afganistan, hadir dalam perlombaan untuk memperingati dengan alasan bahawa Ibn Sina adalah anak Afgani, kerana ibunya seorang Afgan, bernama Astarah. (2) Turki, menganggap negaranya lebih berhak untuk memperingati kerana ayahnya adalah seorang turunan Turki, bernama Abdullah.(3) Rusia (Republik Uzbekistan), menuntut bahawa merekalah yang lebih berhak kerana daerah tempat lahirnya adalah Bukhara termasuk wilayah Rusia sekarang. (4)Iraq menganggap bahawa sebenarnya negara mereka yang lebih berhak, kerana Ibn Sina hidup dalam masa kebesaran Baghdad, yang menjadi ibu kota dari seluruh negara Islam di masa itu. (5) Iran sebagai penuntut yang paling kuat mengatakan bahawa betapapun juga suatu hal yang tidak dapat dibantah, bahawa meninggalnya adalah di Hamadhan, dan kuburannya yang masih ada sampai saat sekarang adalah merupakan saksi abadi yang tidak dapat dimungkiri. *Ibid.*, h. 15

suatu bangunan gedung perpustakaan yang terletak di samping sebuah tugu peringatan hari kelahirannya itu.

Sciring dengan peringatan itu, berlangsung pula simposium para sarjana peminat Ibn Sina di London . Hasil dari segala ceramah yang dikemukakan dalam simposium itu telah dihimpun dalam suatu buku oleh G.M. Wickens, yang merupakan simposium untuk kenangan 1000 tahun terhadap Ibn Sina. Buku itu terbit pada tahun 1952, bernama: "Avicenna: Scientist & Philosopher" (Ibn Sina Sarjana dan Failasuf), buku itu memuat lapan buah tulisan dari para sarjana.⁸⁰ Bersamaan dengan itu juga di London diterbitkan sebuah buku tulisan Arthur J. Arberry yang bertajuk: "Avicenna on Theology" (Ibn Sina tentang soal ketuhanan), dalam kata pengantar dari buku tersebut dikatakan bahawa pada tahun 1951 dijadikan perayaan seluruh dunia Islam, teristimewa di Iran, sebagai tahun genapnya seribu tahun lahirnya Ibn Sina, orang besar dan ahli fikir yang asli yang pernah dilahirkan oleh dunia Islam.⁸¹

⁸⁰ *Ibid.*, h. 17 - 18

⁸¹ *Ibid.*, h. 18